

02/05/1999

Dr M dedah kroni bekas pemimpin miliki RM230j

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mendedahkan perbuatan seorang bekas pemimpin negara yang menyalahgunakan kuasa untuk memberi kekayaan sehingga RM230 juta kepada seorang kroninya.

Perdana Menteri berkata, kawan pemimpin terbabit yang sebelum itu hanya orang biasa kini menjadi jutawan.

"Dia mendakwa kononnya telus dan kerajaan yang memberi kekayaan tetapi dia yang bagi kekayaan kepada kawannya. Kawannya yang dahulu tiada satu sen pun kini jadi jutawan.

"Ini penyalahgunaan kuasa. Ini (pemimpin) yang orang Barat harap jadi pemimpin negara. Orang ini akan serah (negara) bulat-bulat kepada orang asing," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu, di Dewan Jitra, di sini semalam.

Bagaimanapun, ketika tanya kemudian siapa kroni yang dimaksudkan menerima RM230 juta daripada pemimpin terbabit, Dr Mahathir hanya berkata: "Itu saya tidak boleh dedahkan."

Dr Mahathir juga berkata, penyokong bekas pemimpin itu mempunyai banyak wang dan boleh berbelanja mengelilingi dunia serta hidup mewah berbulan-bulan di luar negara.

"Mereka juga mengupah orang untuk tunjuk perasaan. Dari mana datangnya duit itu," katanya.

Menurut Perdana Menteri, mereka dengan bantuan Barat sekarang menghasut rakyat dengan tuduhan dan fitnah tidak berasas terhadap pemimpin negara, termasuk Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid yang dikatakan mempunyai simpanan sebanyak RM45 juta dalam Bank of Israel.

Dr Mahathir juga hairan dari mana mereka memperoleh maklumat berkenaan kerana bank tidak mendedahkan akaun pelanggannya kepada orang ramai.

(END)